

Pakatan: PPPM hanya urusan pentadbiran, bukan reformasi
Malaysian Insider
Sept 9 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

Jawatankuasa Pendidikan Pakatan Rakyat (PR) hari ini mempersoalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) yang diumumkan Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana ia tidak membawa perubahan menyeluruh dan hanya menumpukan perubahan pentadbiran.

Jawatankuasa itu berkata, pelan berkenaan gagal menangani kebimbangan sebelum ini malah ia tidak bersifat "transformasi" dan tidak memberi keyakinan sistem pendidikan di Malaysia akan bertambah baik di bawah pelan ini.

"Pandangan ini dinyatakan dalam sebuah memo dalaman oleh Panel Penilai Bebas Malaysia yang diketuai Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak, Naib Canselor Albukhary International University selepas pelan awal dikeluarkan .

"Dalam tempoh masa setahun ini, kami menunggu dengan harapan bahawa kementerian akan berpegang kepada janji untuk menggabungkan maklum balas daripada pihak berkepentingan sebelum dokumen muktamad, terutama di kawasan dikenalpasti lemah, bagaimanapun ia gagal dilakukan," kata jawatankuasa itu dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, pelan pendidikan itu juga disifatkan tidak mempunyai ciri pembaharuan yang amat diperlukan untuk memulihkan sistem pendidikan biarpun ia dinyatakan dalam memo dalaman sistem pendidikan.

"Pelan muktamad itu nampaknya tidak mengambil nasihat yang diberikan Panel berkenaan, yang ditubuhkan oleh Menteri," kata jawatankuasa itu.

PR mendakwa, pelan muktamad berkenaan tidak menyentuh langsung rancangan untuk membina sekolah baru mengikut keperluan dan permintaan ibu bapa, terutama Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Kebangsaan Jenis Cina dan Tamil.

"Walaupun kita mengalu-alukan rancangan untuk pengambilan guru daripada kalangan 30 peratus graduan terbaik, pelan muktamad tidak menggariskan sebarang rancangan untuk memastikan bahawa guru setiap 'kohort' menggambarkan masyarakat Malaysia yang majmuk.

"Ia juga tidak menggariskan strategi menyerahkan lebih kuasa kepada agensi pendidikan di peringkat negeri dan tempatan, dan tidak memberi peranan kepada kerajaan negeri dan tempatan yang juga pihak berkuasa yang berkepentingan," katanya.

Antara yang diberi penekanan dalam pelan itu adalah mewajibkan kelulusan Bahasa Inggeris bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2016. – 9 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-pppm-hanya-urusan-pentadbiran-bukan-reformasi>

